



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 05 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>KPWKM cadang Akta Antigangguan Seksual 2022 dipinda untuk ditambah baik</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/683383/berita/nasional/kpwkm-cadang-akta-antigangguan-seksual-2022-dipinda-untuk-ditambah-baik</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/717737</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/01/sexual-harassment-law-must-also-bind-organisations-says-nancy/</p> <p>https://www.theborneopost.com/2024/09/01/nancy-necessary-to-include-organisational-responsibility-in-anti-sexual-harassment-act-amendments/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2335721</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1129423/akta-antigangguan-seksual-2022-perlu-dipinda</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/09/1292733/kerajaan-cadang-pinda-akta-antigangguan-seksual-2022</p> <p>https://www.bernama.com/en/news.php/news.php?id=2335714</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/01/amendments-to-anti-sexual-harassment-act-2022-proposed</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>FMT</p> <p>The Borneo Post</p> <p>Bernama</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Bernama</p> <p>The Star</p>	Neutral

	<p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-cadang-akta-antigangguan-seksual-2022-dipinda-untuk-ditambah-baik-486028</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/01/kaji-semula-akta-antigangguan-seksual-2022/</p> <p>https://www.theborneopost.com/2024/09/01/nancy-necessary-to-include-organisational-responsibility-in-anti-sexual-harassment-act-amendments/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/kpwkm-cadang-akta-antigangguan-seksual-2022-dipinda-untuk-ditambah-baik-GO12947717#google_vignette</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/01/kaji-pindaan-akta-antigangguan-seksual-2022</p> <p>https://suarasarawak.my/pinda-akta-agar-organisasi-tidak-tangani-kes-gangguan-seksual-kakitangan-dikenakan-tindakan/</p> <p>https://thesun.my/local-news/kpwkm-proposes-amendments-to-anti-sexual-harassment-act-2022-BO12947413#google_vignette</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>The Borneo Post</p> <p>The Sun</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>The Sun</p>	
2.	<p>Program Jiwa Komuniti MADANI@Parlimen Platform Baik Pupuk Semangat Patriotism</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/01/program-jiwa-komuniti-madaniparlimen-platform-baik-pupuk-semangat-patriotisme</p> <p>https://www.newsarawaktribune.com.my/engaging-public-via-jiwa-komuniti-madani-event/#google_vignette</p> <p>https://suarasarawak.my/program-jiwa-komuniti-madaniparlimen-usaha-perkasa-libat-urus-kerajaan-dengan-masyarakat/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>New Sarawak Tribune</p> <p>Suara Sarawak</p>	Neutral

3.	<p>Lima Beranak 'Bergelap', Duit Sudah Habis</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/02/lima-beranak-bergelap-duit-sudah-habis/</p>	Kosmo	Neutral
4.	<p>Polis Kesan Lelaki Dan Wanita Tinggal Bayi Di Surau</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/683366/berita/semasa/polis-kesan-lelaki-dan-wanita-tinggal-bayi-di-surau</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1129355/dua-suspek-dikesan-tinggalkan-bayi-di-surau</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
5.	<p>Wanita Kerugian RM106,400 Akibat Sindiket Penipuan</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/wanita-rugi-rm106-400-terpedaya</p>	Berita RTM	Neutral
6.	<p>Polis Cari Seorang Datuk Seri Kes Pemerdagangan Manusia</p> <p>https://api.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1292766/polis-cari-seorang-datuk-seri-kes-pemerdagangan-manusia</p>	Berita Harian	Neutral
7	<p>'Padah Ganggu Keluarga Mangsa, Warga Emas Kes Amang Seksual Tidak Dibenarkan Ikat Jamin'</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1292660/padah-ganggu-keluarga-mangsa-warga-emas-kes-amang-seksual-tidak</p>	Berita Harian	Neutral

8	<p>Warga Emas Hilang Ditemui Tidak Bernyawa Dalam Paya</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/09/01/warga-emas-hilang-ditemui-tidak-bernyawa-dalam-paya/#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-warga-emas-ditemukan-dalam-paya-486001</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/683348/berita/semasa/mayat-warga-emas-ditemui-terapung-dalam-paya</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/09/01/mayat-warga-emas-ditemukan-dalam-paya/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1129349/mayat-warga-emas-ditemukan-dalam-paya</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lelaki-warga-emas-ditemukan-maut-di-dalam-paya</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-emas-ditemukan-lemas-selepas-hilang-semalam/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/warga-emas-hilang-ditemukan-lemas-2/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/lelaki-ditemukan-mati-dalam-paya-oku-lembam/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Utusan</p> <p>Utusan</p>	Neutral
---	--	--	---------

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KPWKM CADANG AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022 DIPINDA UNTUK DITAMBAH BAIK



Nancy Shukri mengibarkan Jalur Gemilang ketika hadir pada Program Jiwa Komuniti Madani peringkat Parlimen Santubong, hari ini. Foto Bernam

KUCHING - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mencadangkan agar Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840), dipinda untuk ditambah baik dalam menangani isu gangguan seksual di tempat kerja.

Sebelum ini, akta berkenaan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong ke-16 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 8 Oktober tahun lepas dan diwartakan 18 Oktober tahun yang sama.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, di bawah akta itu, tindakan hanya boleh diambil terhadap individu yang melakukan kesalahan sahaja.

"Cadangan pindaan ini bertujuan untuk memperbaiki kelemahan yang ada dan pada tahap awal ini, saya secara peribadi meminta perkara ini diteliti dan dikaji untuk dipinda.

"Jika perlu, kita akan buat undang-undang yang lebih ketat, kerana tanpa tindakan yang setimpal ia tidak adil kepada mangsa, tidak kira sama ada wanita atau lelaki," kata Nancy kepada pemberita selepas merasmikan program Jiwa Komuniti Madani Peringkat Parlimen Santubong di sini, hari ini.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata, setakat ini, sebanyak lapan kes gangguan seksual di seluruh Malaysia telah dibawa ke tribunal untuk diproses dan diselesaikan.

Beliau berkata, mereka yang menjadi mangsa gangguan seksual, perlu melaporkan kes mereka melalui platform KPWKM agar tindakan segera dapat diambil.

"Kami berusaha untuk melakukan sesuatu yang adil untuk melindungi mangsa. Masalah kemurungan banyak berlaku di negara kita, dan antara sebabnya adalah kerana kurangnya perlindungan dan tindakan terhadap kes gangguan seksual," katanya. - Bernama

PROGRAM JIWA KOMUNITI MADANI@PARLIMEN PLATFORM BAIK PUPUK SEMANGAT PATRIOTISM

KUCHING: Program Jiwa Komuniti [MADANI@Parlimen](#) anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) merupakan satu platform yang baik dalam memupuk semangat patriotisme, kata Dato Sri Nancy Shukri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu berkata, ia juga merupakan landasan untuk memperkasakan libat urus dan kerjasama antara kerajaan dengan masyarakat setempat.

Perkara itu katanya, penting kerana aspirasi melibatkan dasar dan inisiatif kerajaan perlu diperluaskan kepada kesemua lapisan masyarakat.

"Penyampaian mesej kerajaan tidak boleh hanya bergantung kepada media elektronik dan cetak sahaja tetapi ia turut memerlukan pendekatan komunikasi tradisional secara bersemuka.

"Jadi, saya bersetuju bahawa gabungan cara tradisional dan cara moden penting dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian Program Jiwa Komuniti [MADANI@Parlimen](#) peringkat Parlimen Santubong di Mydin Petra Jaya di sini, hari ini.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong menambah, perlu difahami bahawa komuniti bukan sekadar sebagai penerima tetapi juga penyumbang dan penggerak dasar kerajaan.

"Maka itu, kerjasama dan komunikasi dua hala antara kerajaan dan komuniti amat penting dalam memastikan keperluan sebenar dilaksanakan," katanya.

Terdahulu, Pengarah Penerangan Sarawak Helmy Hamid berkata, program Jiwa Komuniti [MADANI@Parlimen](#) itu melibatkan sembilan Komuniti MADANI di bawah seliaan Pejabat Penerangan Daerah Kuching dan Daerah Lundu.

"Program ini merupakan salah satu daripada platform JAPEN untuk memasarkan maklumat, isu semasa, dasar dan inisiatif kerajaan kepada semua lapisan masyarakat.

"Pendekatan turun padang ini juga melibatkan pemimpin atau wakil rakyat setempat bertujuan k mendekatkan pemimpin dan agensi kerajaan kepada masyarakat," ujarnya.

Majlis turut menyaksikan seramai 36 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menerima insentif di bawah Program Insentif Cemerlang NS.

Pemberian insentif berjumlah RM23,900 secara keseluruhan itu juga julung kalinya diadakan di Perlimen Santubong.

Nancy dalam pada itu turut menyampaikan insentif kepada wakil Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak dari kawasan Parlimen Santubong berjumlah RM5,200.

LIMA BERANAK 'BERGELAP', DUIT SUDAH HABIS

BALING – Seorang pemandu lori dari Kampung Tembak A, Kuala Ketil di sini, buntu memikirkan masa depan lima anak dan isteri apabila dia tidak lagi mampu untuk menyara keluarga selepas kehilangan kerja sejak lima bulan lalu.

Menurut Ahmad Sanusi Arjahat, 34, yang juga orang kelainan upaya (OKU) fizikal, dia terputus sumber pendapatan selepas kilang kayu tempatnya bekerja menutup operasi kerana mengalami kerugian.

Katanya, keadaan itu menyebabkan duit simpanan habis digunakan bagi membeli barang keperluan sehingga mendakwa terpaksa mencatu makanan bagi mengelak ia habis dengan cepat.

“Lima anak saya berusia 13 hingga lima tahun ke sekolah tanpa dibekalkan wang saku dan mereka hanya bawa bekal makanan,” katanya ketika ditemui di rumahnya baru-baru ini.

Jelasnya, dia juga gagal menjelaskan bil elektrik dan air yang tertunggak sehingga menyebabkan bekalan utiliti itu dipotong dan anak-anaknya terpaksa belajar menggunakan lampu diod pemancar cahaya (LED) yang dicas di rumah mentua.

“Begitu juga urusan membasuh pakaian dan mandi, kami akan ke rumah mentua kerana tiada bekalan air bersih,” katanya yang enggan meminta bantuan ahli keluarga kerana tidak mahu membebankan mereka yang juga dalam kalangan orang susah.

Jelasnya, dia pada masa ini hanya bergantung kepada bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 untuk menyara keluarga.

“Saya sedang mencari kerja yang sesuai kerana tidak mahu anak-anak berlapar tetapi sehingga kini belum berjaya. Isteri, Nursuhada Mahmad, 34, pernah buat kuih untuk dijual di kedai berdekatan rumah tetapi disebabkan sering terputus modal, dia terpaksa berhenti,” ujarnya.

Tambahnya, dia sukar untuk mendapat pekerjaan baharu kerana keadaan dirinya yang cacat pada tangan dan tiada jari kaki serta tidak boleh melakukan kerja berat.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menyalurkannya melalui akaun Bank Rakyat 2201731911 atas nama isterinya, Nursuhada atau menghubungi talian 011-36198622.

POLIS CARI SEORANG DATUK SERI KES PEMERDAGANGAN MANUSIA



Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain. - Foto fail NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

KUALA LUMPUR: Polis sedang mengesan seorang lelaki bergelar Datuk Seri bagi membantu siasatan kes pemerdagangan manusia di Myanmar yang turut mengaitkan pembabitkan seorang ahli politik dan suaminya.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata setakat ini pihaknya sudah mengambil keterangan daripada tiga individu termasuk ahli politik itu dan suaminya.

"Kita sedang kesan seorang lagi individu untuk dirakam percakapan selain turut memanggil tiga penulis artikel dalam kes itu.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007," katanya ketika dihubungi Bernama.

Pada 28 Ogos lalu, media melaporkan seorang ahli politik yang juga bekas timbalan menteri dipercayai terlibat aktif dengan menjadi dalang kepada kumpulan sindiket pemerdagangan manusia antarabangsa beroperasi di Myanmar.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim dilaporkan berkata wanita itu bersama suaminya turut memegang jawatan penting selaku pengerusi keselamatan sebuah syarikat dan difahamkan terbabit pada awal 2020.

Baru-baru ini tular sebuah video pembongkaran sindiket itu di Myanmar menerusi YouTube yang diterbitkan di Indonesia.

Ini selepas ramai rakyat negara itu menjadi mangsa sindiket terbabit yang secara terang-terangan terbabit dalam aktiviti jenayah pemerdagangan manusia termasuk melakukan paksaan, penyiksaan, penjualan organ manusia dan jenayah membunuh.

WARGA EMAS HILANG DITEMUI TIDAK BERNYAWA DALAM PAYA

KOTA BHARU – Seorang lelaki warga emas yang hilang hampir 17 jam dijumpai tidak bernyawa selepas tergelincir ke dalam paya di Kampung Beta, Hulu Nilam Puri, di sini hari ini.

Mangsa, Fakhrurazi Mamat, 65, dipercayai hilang selepas keluar ke kebun berdekatan rumahnya pada pukul 6.30 petang semalam.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Ketereh, Hasri Hussin berkata, mangsa ditemukan dalam keadaan tersungkur dalam paya buatan sendiri sedalam lima meter.

Mangsa dijumpai oleh penduduk kampung pada pukul 10 pagi selepas usaha mencarinya sejak pukul 9 malam, namun menemui jalan buntu.

Difahamkan anak lelakinya yang berusia dalam lingkungan 30-an sudah membuat laporan polis selepas mendapati bapanya tidak pulang selepas keluar ke kebun yang terletak kira-kira 50 meter dari rumah.

“Kita menerima panggilan pada pukul 10.10 pagi tadi. Sepasukan anggota bomba kemudian dikejarkan ke lokasi kejadian,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Hasri memberitahu, anggota bomba yang tiba di lokasi kejadian mendapati mangsa sudah meninggal dunia. Siasatan mendapati mangsa dipercayai tergelincir ke dalam paya ketika melalui kawasan berkenaan. – KOSMO! ONLINE